

MALAYSIA  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
DI DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
GUAMAN SIVIL NO. : 23NCVC- 66 -09/2015

ANTARA

ERIC PAULSEN

... PLAINTIF

DAN

MOHAMED HAFIZ BIN MOHAMED NORDIN ... DEFENDAN

PENGHAKIMAN

Tuntutan

[1] Pada asalnya Plaintiff di dalam kes ini telah dituntut sebagai Defendan oleh seorang yang bernama Salman Al-Farisi, seorang Pegawai Awam Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Plaintiff memfailkan pembelaan terhadap tuntutan tersebut. Selanjutnya Plaintiff membuat tuntutan balas terhadap Salman Al-Farisi dan terhadap Mohamed Hafiz bin Mohamed Nordin, Defendan di dalam kes ini. Bagaimanapun tuntutan Salman Al-Farisi

terhadap Plaintiff dan tuntutan balas Plaintiff terhadap Salman Al-Farisi telah diselesaikan. Hanya tuntutan balas Plaintiff terhadap Defendan, Mohamed Hafiz bin Mohamed Nordin diteruskan.

[2] Secara asasnya tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah berasaskan fitnah melalui pengataan yang dibuat oleh Defendan dan disiarkan melalui laman web ISMA. Di dalam penyata tuntutan Plaintiff mengatakan pada sekitar 9.2.2015 Defendan telah mengucapkan pengataan-pengataan fitnah dan pengataan fitnah Defendan tersebut kemudiannya telah ditulis oleh seorang wartawan Portal Islam & Melayu, Siti Fatimah Ishak. Pengataan-pengataan Defendan tersebut telah dijadikan sebuah artikel bertajuk "Jangan biarkan Eric Paulsen bebas tanpa perbicaraan". Artikel tersebut kemudiannya dimuatnaik di dalam laman web ISMA; web [www.ismaweb.net](http://www.ismaweb.net). Pengataan tersebut adalah seperti berikut:-

*"Apa yang penting kita buktikan bahawa Eric yang didukung oleh Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah sebagai fraud yang 'cari makan' dengan menipu, memfitnah itu telah menghasut masyarakat membenci Islam dengan tweet-tweetnya yang tidak bertanggungjawab"*

[3] Di dalam pembelaannya, secara umumnya Defendan tidak menafikan membuat pengataan tersebut tetapi, tidak mengetahui pengataan tersebut telah dimuatnaik di dalam laman web ISMA dan Defendan tidak mempunyai hubungan dengan ISMA dan laman web mereka. Seterusnya Defendan mengatakan pengataan tersebut adalah berasas dan bukan fitnah dan jika pengataan tersebut satu fitnah, Defendan menimbulkan pembelaan justifikasi. Di samping itu Defendan secara alternative mengatakan pengataan tersebut adalah ulasan saksama ("fair comment")

#### Perbicaraan

[4] Semasa perbicaraan Plaintiff memanggil seorang saksi sahaja iaitu Plaintiff sendiri. Secara ringkasnya Plaintiff memberi keterangan pada masa penerbitan artikel tersebut beliau seorang konsultan yang bekerja dengan berbagai pertubuhan dan sering diminta memberi pandangan tentang berbagai isu. Beliau juga meneraju Lawyer for Liberty, pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat aktif di dalam isu-isu kemanusiaan. Beliau telah membaca artikel yang diterbitkan di dalam laman web ISMA tersebut dan kandungan artikel tersebut jelas memfitnah beliau kerana menggambarkan beliau sebagai seorang yang mencari makan melalui tipuan, memfitnah dan menghasut masyarakat.

[5] Defendan juga memanggil saksi untuk memberi keterangan. Defendan memberi keterangan bahawa pengataan beliau telah dikeluarkan di dalam konteks suasana masa itu kerana pada masa itu Plaintiff telah dikenakan pertuduhan jenayah di bawah Akta Hasutan. Defendan juga memberi keterangan dia mempunyai justifikasi untuk membuat kenyataan tersebut.

#### Penghujahan

[6] Peguam Plaintiff berhujah Plaintiff telah membuktikan pengataan-pengataan tersebut telah dibuat oleh Defendan dan telah disiarkan. Pengataan-pengataan tersebut juga telah merendahkan kedudukan dan martabat Plaintiff sebagai seorang yang melakukan tipuan dan hasutan serta melakukan fitnah bagi tujuan mendapat pendapatan sebagai mata pencarian. Pengataan-pengataan tersebut juga telah ditujukan secara khusus terhadap Plaintiff.

[7] Defendan pula berhujah bahawa pengataan yang dikatakan memfitnah itu sebenarnya sebahagian sahaja dari artikel yang panjang dan jika keseluruhan artikel diambil kira pengataan tersebut tidak berunsur fitnah. Pengataan tersebut juga mesti dipertimbangkan dengan konteks penuturannya yang dibuat sebagai balasan kepada tweeter Plaintiff tentang Jakim mempromosi keganasan. Peguam Defendan juga berhujah Plaintiff gagal membuktikan

pengataan tersebut telah diterbitkan oleh Defendan. Selanjutnya telah dihujahkan Plaintiff gagal membuktikan pengataan tersebut berunsur fitnah kerana gagal membuktikan pengataan tersebut sebenarnya tidak benar. Defendan juga berhujah Plaintiff gagal membawa keterangan untuk membuktikan bahawa reputasi dan maruah Plaintiff telah diburukkan akibat dari pengataan tersebut. Defendan juga berhujah mereka telah berjaya membuktikan pembelaan justifikasi dan pembelaan komen yang adil (fair comment) yang mereka timbulkan.

#### Dapatan Mahkamah

[8] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, saya dapati Plaintiff telah membuktikan pernyataan tersebut dibuat oleh Defendan. Adalah jelas pengataan tersebut telah dibuat dan telah disiarkan. Saya bersetuju dengan penghujahan Plaintiff bahawa Plaintiff boleh bergantung kepada artikel yang dikeluarkan untuk membuktikan fitnah yang dilakukan oleh Defendan kerana artikel yang dikeluarkan tersebut telah dikemukakan di Mahkamah dan dimasukkan sebagai dokumen yang dipersetujui bahagian B. Di dalam pembelaannya Defendan tidak mempertikaikan membuat pengataan tersebut tetapi mengatakan dia tidak mengetahui artikel tersebut telah diterbitkan. Pembelaan ini tidak menunjukkan Defendan menafikan membuat pengataan tersebut. Oleh itu Plaintiff berhak bergantung kepada penerbitan artikel

tersebut di dalam laman web ISMA untuk membuktikan fitnah yang dilakukan oleh Defendan (Chua Jui Meng v. Hoo Kok Ming & Anor [2006] 6 MLJ 390).

[9] Saya juga dapati pengataan tersebut telah disiarkan kepada pihak ketiga. Adalah jelas pengataan Defendan tersebut telah diucapkan secara lisan tetapi kemudiannya ditulis semula dan disiarkan sebagai artikel di dalam web ISMA. Pembelaan Defendan ialah dia tidak ada kaitan dengan ISMA dan tidak mengetahui pengataannya telah disiarkan secara bertulis. Untuk tujuan penyiaran pengataan tersebut, adalah tidak penting sama ada Defendan mempunyai kawalan atau tidak terhadap media yang menyiarkan pengataannya dan kebenarannya telah diperolehi terlebih dahulu. Adalah cukup bagi Plaintiff mengemukakan keterangan yang membuktikan pengataan tersebut disiarkan sama ada oleh Defendan sendiri atau oleh pihak ketiga walaupun fakta menunjukkan bahawa pengataan tersebut telah disiarkan oleh pihak ketiga tanpa kebenaran Defendan.

[10] Saya juga dapati pengataan-pengataan Defendan tersebut secara langsung merujuk kepada Plaintiff. Adalah jelas Defendan telah menyebut nama Plaintiff secara terang dan nyata di dalam pengataan beliau.

[11] Berasaskan kedudukan itu saya perlu memutuskan isu adakah pengataan tersebut bersifat fitnah. Pengataan tersebut akan menjadi pengataan yang bersifat fitnah jika pengataan tersebut telah menyebabkan kedudukan dan reputasi Plaintiff dipandang rendah dan serong dari sudut pandangan orang ramai (*Choo Foo Choo v. China Press Bhd* [1999] 1 CLJ 461).

[12] Plaintiff menanggung beban untuk membuktikan bahawa akibat dari pengataan tersebut reputasi Plaintiff dari sudut pandangan masyarakat telah memandang rendah dan memandang serong terhadap Plaintiff. Plaintiff perlu mengemukakan keterangan untuk membuktikan kedudukan sedemikian. Di dalam *Chong Swee Huat & Anor v. Lim Shan Ghee* [2009] 1 MLRA 392, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa Plaintiff perlu mengemukakan keterangan membuktikan bahawa reputasi, kedudukan telah diburukkan oleh pengataan-pengataan berkaitan, menurut pandangan dan pendapat orang ramai dan akibatnya Plaintiff dibenci dan dijauhi oleh orang ramai.

[13] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan saya dapati Plaintiff tidak dapat membuktikan kedudukan tersebut. Plaintiff hanya mengemukakan keterangan pendapat beliau sendiri bahawa maruahnyanya telah tercalar dan menjadi buruk akibat pengataan yang dibuat oleh Defendan. Pendapat Plaintiff

ini tidak disokong oleh mana-mana keterangan lain yang dapat menunjukkan bahawa akibat dari pengataan-pengataan Defendan, orang ramai telah menjauhkan diri dan mengelak dari berjumpa Plaintiff.

[14] Adalah tidak cukup untuk Plaintiff mengemukakan pendapat beliau semata-mata untuk membuktikan akibat buruk dari pengataan Defendan. Keterangan yang lebih dari itu tentang pandangan masyarakat umum terhadap reputasi Plaintiff menjadi buruk akibat dari pengataan yang dibuat oleh Defendan perlu dikemukakan. Adakah benar masyarakat menjauhkan diri dan mengelak darinya akibat dari pengataan tersebut. Atau mungkinkah kedudukan Plaintiff menjadi lebih baik dari sebelumnya. Secara munasabahny orang ramai yang membuat keputusannya tentang keadaan tersebut. Tanpa mengemukakan keterangan sedemikian, Plaintiff tidak dapat membuktikan kedudukan reputasi dan kedudukannya yang terjejas akibat dari pengataan tersebut. Sesuatu pengataan hanya akan menjadi fitnah jika pengataan tersebut telah merendahkan kedudukan dan reputasi Plaintiff di dalam pandangan masyarakat. Di dalam keadaan tertentu Mahkamah boleh membuat inferens atau konklusi dari keadaan.

[15] Bagaimanapun di dalam keadaan kes ini Mahkamah ini tidak boleh membuat apa-apa inferens atau konklusi tentang kedudukan martabat dan



reputasi Plaintiff sebelum dan selepas pengataan Defendan tersebut untuk mengatakan kedudukannya menjadi buruk disebabkan pengataan Defendan tersebut. Pendapat Plaintiff semata-mata tidak cukup untuk mencapai inferens atau konklusi tersebut. Keterangan lain sebenarnya perlu dikemukakan dan telah gagal dikemukakan oleh Plaintiff.

[16] Oleh itu Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa pengataan yang dibuat oleh Defendan bersifat fitnah kerana gagal membuktikan bahawa akibat pengataan tersebut Plaintiff dipandang rendah oleh masyarakat dan masyarakat telah menjauhkan diri dan mengelak diri dari Plaintiff. Saya dapati Plaintiff gagal membuktikan pengataan-pengataan Defendan tersebut secara semulajadinya bersifat fitnah.

[17] Tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos kerana Plaintiff gagal membuktikan unsur fitnah tersebut. Bagaimanapun untuk tujuan melengkapkan penghakiman, saya juga telah pertimbangkan pembelaan Defendan dan jumlah gantirugi yang patut diberikan jika Plaintiff berjaya membuktikan tuntutan mereka terhadap Defendan.

[18] Defendan telah mengemukakan pembelaan justifikasi dan komen yang adil (fair comment). Defendan menanggung beban untuk membuktikan

pembelaan-pembelaan yang dikemukakan (Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor [1965] 1 MLJ 142 dan Dato' Seri Mohamad Nizar bin Jamaludin v. Sistem Televisyen Malaysia Bhd [2014] 3 CLJ 560).

[19] Saya dapati Defendan telah gagal membuktikan kedua-dua pembelaan yang dikemukakan. Asas utama pembelaan justifikasi ini ialah Plaintiff adalah peneraju Lawyers for Liberty dan Lawyers for Liberty ini telah diberikan dana dan Plaintiff telah menyalahgunakan dana ini. Keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Defendan gagal menunjukkan bahawa apa yang dikatakan oleh Defendan bahawa Plaintiff mencari makan melalui penipuan, fitnah dan hasutan sama sekali gagal dibuktikan. Tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh Defendan menunjukkan Plaintiff melakukan perkara-perkara tersebut.

[20] Defendan juga gagal membuktikan pembelaan komen adil (fair comment). Saya bersetuju dengan penghujahan peguam Plaintiff bahawa Defendan sebenarnya membuat allegasi dan tidak memberikan komen apabila membuat pengataan-pengataan tersebut. Pengataan-pengataan Defendan ini juga tidak berasaskan fakta sebenar kerana Defendan sendiri tidak mengetahui fakta apa yang dikatakan.

[21] Saya telah juga pertimbangkan keterangan mengenai gantirugi. Keterangan yang dikemukakan oleh Plaintiff sebenarnya tidak membuktikan kerugian sebenar yang akan dialami oleh Plaintiff akibat pengataan tersebut. Bagaimanapun tidaklah diragui bahawa jika pengataan tersebut sebenarnya satu fitnah yang telah merendahkan martabat dan kedudukan Plaintiff di mata masyarakat, Plaintiff akan mengalami kerugian. Kerugian beliau ini perlu dikaitkan dengan kedudukan dan kerjaya beliau sebagai seorang peguam dan sebagai seorang aktivis social. Berdasarkan pertimbangan terhadap kedudukan social Plaintiff dan kerjaya Plaintiff saya dapati jumlah gantirugi secara menyeluruh sebanyak RM100,000.00 adalah munasabah bagi tuntutan Plaintiff jika Plaintiff berjaya membuktikan tuntutan mereka.

Bertarikh: 30hb. Januari, 2018



(MOHD ZAKRI BIN ABDUL WAHAB)

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya

Kuala Lumpur